

# 'Tangani isu rumah ibadat ikut kedaulatan undang-undang'

Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kedaulatan undang-undang dan hukum mesti ditegakkan dalam menguruskan isu sensitif yang membabitkan tanah tempat ibadat. Untuk itu, Perdana Menteri berkata, demi menjaga hubungan dan keharmonian antara kaum maka rundingan secara baik berhubung isu pemindahan kuil di Jalan Masjid India, di ibu negara tetap dilaksanakan.

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi → Nasional 3

Pengurusan kuil Dewi Sri Pathrakaliamman setuju berpindah ke tapak baharu selepas rundingan bersama DBKL

## Tegak keluhuran undang-undang selesai isu sensitif

Anwar tempelak pihak tertentu buat tuduhan melampau, cuba jejas rundingan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Keluhuran undang-undang perlu ditegakkan dalam menyelesaikan isu sensitif dalam negara, termasuk membabitkan tempat ibadat, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menyentuh mengenai isu pemindahan Kuil Dewi Sri Pathrakaliamman di Jalan Masjid India, Perdana Menteri berkata, tidak ada sebarang cadangan untuk merobohkan kuil berkenaan meskipun dibangunkan di tempat tidak sepatutnya.

Katanya, Malaysia adalah sebuah negara tertakluk kepada undang-undang, namun demi menjaga hubungan dan keharmonian antara kaum, rundingan secara baik berhubung pemindahan kuil berkenaan tetap dilaksanakan.

"Kita mungkin menerima pandangan dan kritik, tetapi kita tidak boleh menerima apabila ada elemen konflik perkauman, agama atau rasuah," katanya berucap sempena Sambutan Peringatan Hari Polis ke-218 di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail serta Ketua Polis Negara, Tan Sri Razaruddin Husain.

Anwar juga menempelak pihak tertentu yang disifatkan sebagai penghasut yang 'entah dari mana datangnya' dalam isu itu yang membuat tuduhan melampau ketika jawatankuasa kuil bersetuju untuk berunding.

Beliau berkata, ada kes yang



"Kami ini rakan dan sahabat dan jangan dambakan kami sebagai orang zalim dan jangan dengar penghasut"

Anwar Ibrahim,  
Perdana Menteri

mana terdapat beberapa masjid seperti di Lahad Datu, Sabah dan di Sentul, Kuala Lumpur yang juga pernah dirobohkan sebelum ini kerana dibina tidak mengikut peraturan.

"Apa salah buat (cadangan) masjid tepi kuil? Yang salah tanah itu milik syarikat. Jadi, ikut peraturan. Kita bagi ruang kuil pindah dengan baik. Walaupun tempatnya (asal) salah, kita kata, angkat baik-baik, pindah.

"Syarikat beri sedikit ganti rugi, saya tak tahu ganti rugi sebab apa, kemudian diberikan tempat baharu dengan ihsan DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur)," katanya.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, Islam tidak pernah mengajar untuk memusuhi dan merosakkan harta benda penganut agama lain.

"Tetapi jangan mereka anggap bahawa kita (kerajaan) ini lemah. Kelompok Islam yang ekstrem maki saya kerana dia kata saya ini tunduk kepada kumpulan Hindu.

"Kelompok Hindu yang melampau pula kata saya ini nak Is-

lankan semua, apatah lagi (selepas) masjid itu nak dinamakan Masjid Madani," katanya.

Justeru, beliau mahu isu pemindahan kuil berkenaan dilakukan dalam keadaan sederhana, sopan dalam perbincangan yang baik.

### Teruskan perbincangan

Perdana Menteri berkata, pihak pengurusan kuil terbabit diminta meneruskan perbincangan dengan pemilik tanah, iaitu syarikat swasta serta DBKL bagi urusan pemindahan ke lokasi lain.

Beliau berkata, majlis pecah tanah bagi pembinaan masjid di Jalan Masjid India akan diteruskan.

"Saya akan teruskan untuk meletakkan batu asas masjid pada Khamis (esok). Saya minta jawatankuasa kuil runding dengan baik. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, syarikat berkenaan, DBKL, semua itu diminta sederhana, sopan dan bincang dengan baik.

"Jawatankuasa kuil saya sebut begitu juga, bincang dengan

baik. Kami ini rakan dan sahabat dan jangan dambakan kami sebagai orang zalim dan jangan dengar penghasut," katanya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, keperluan membina sebuah masjid di sana dibuat berikutan keadaan surau dan masjid di sekitarnya sudah sesak, di mana kebenaran pembinaannya juga sudah diperoleh sejak 2019.

"Saya tegaskan, bila kebenaran bina masjid diluluskan? 2019, tahu siapa Perdana Menteri masa itu. Bila diberi kebenaran pembangunan? 2020. Perdana Menteri baru ambil alih.

"Bila diluluskan mula bangun dan dibina? 2021.. Perdana Menteri yang satu lagi (ambil alih), tetapi yang salah Perdana Menteri sekarang," katanya.

Bagaimanapun, Anwar berkata, tidak semestinya setiap kuil yang dibina tanpa kebenaran harus diganti tanahnya oleh kerajaan.

"Ada 30 kuil yang tidak ada permit di Kuala Lumpur, 300 di Kedah dan ratusan di Perak, tak boleh begitu (mendapat tanah gantian oleh kerajaan)," katanya.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak akan selamat jika pimpinan dan sistem negara ini tunduk kepada 'kata dua' penjenayah dan pengkhianat dalam atau luar negara.

Katanya, perilaku rasuah khususnya yang membabitkan agensi penguatkuasaan, selain penyelewengan, pengkhianatan atau permusuhan kaum dan agama tidak boleh dibiarkan, kerana ia akan melemahkan negara.

"Saya yakin, apabila kita bicarakan soal pembanterasan rasuah dan tatakelola, jika agensi penguatkuasaan kita, PDRM dan lain-lain (bertindak) secara tegas dan keras untuk satu dua tahun ini, tidak peduli pangkat dan pengaruh mereka, ambil tindakan sekeras-kerasnya, saya yakin suasana politik dan iklim negara akan berada jauh lebih baik," katanya.